

## **LATAR BELAKANG PROMOSI KRAF AIDILFITRI**

- Promosi Kraf Aidilfitri merupakan aktiviti bertema yang mempromosikan produk-produk kraf tempatan dalam persiapan sambutan aidilfitri. Promosi Kraf Aidilfitri 2009 ini merupakan anjuran kali ke-5 sejak dilaksanakan pada tahun 2003.
- Pengisian aktiviti bagi Promosi Kraf Aidilfitri 2009 adalah merangkumi jualan produk kraf dan produk aidilfitri serta pameran produk baru kraf aidilfitri. Manakala aktiviti sokongan pula seperti demonstrasi produk kraf, demonstrasi masakan dan kuih-muih, interaktif kraf serta lawatan berpandu berkumpulan.

## **KONSEP PROMOSI**

- Promosi Kraf Aidilfitri 2009 berkonsepkan jualan dan pameran pelbagai produk kraf dan produk berkaitan aidilfitri yang disasarkan kepada pengguna dalam persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.
- Aktiviti promosi ini turut berteraskan konsep 'Satu Malaysia' yang menerapkan nilai-nilai kebersamaan dan kekitaan dalam keluarga besar serta mengetengahkan kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia, dengan menjemput saudara baru menerusi Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Persatuan Dakwah dan Kebajikan Saudara Baru India SeMalaysia (Alhidayah) serta penyertaan dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

## **OBJEKTIF PROMOSI**

- Promosi Kraf Aidilfitri 2009 bertujuan menggalakkan penggunaan produk-produk kraf tempatan di dalam sambutan perayaan aidilfitri.
- Melalui promosi ini hubungan silaturahim antara usahawan-usahawan pelbagai kaum yang beragama Islam terdiri daripada saudara-saudara baru di kalangan masyarakat cina, india dan orang asli dapat dieratkan.
- Pelaksanaan promosi turut membantu mempopularkan lagi Kompleks Kraf Kuala Lumpur sebagai salah satu destinasi membeli-belah produk-produk kraf tempatan bagi persiapan sambutan aidilfitri dalam suasana selesa.

## TEMA

### 'Kraf & Aidilfitri'

- Pemakaian tema 'kraf & aidilfitri' membawa erti menyemarakkan suasana perayaan aidilfitri dengan menggunakan pelbagai produk kraf tempatan.

## AKTIVITI PROMOSI KRAF AIDILFITRI 2009

- Jualan Produk Kraf dan Produk Aidilfitri
- Pameran Produk Baru Kraf Aidilfitri
- Demonstrasi & Interaktif
  - Demonstrasi Produk Kraf
  - Demonstrasi Masakan dan Kuih-muih
  - Interaktif Kraf
- Lawatan Berpandu Berkumpulan

## KETERANGAN AKTIVITI PROMOSI KRAF AIDILFITRI 2009

### 1. Jualan Produk Kraf dan Produk Aidilfitri (penyertaan : 140 usahawan)

- **Produk kraf**

Menampilkan produk-produk kraf dari bidang tekstil, hasil rimba, seramik, logam dan aneka bagi kegunaan persiapan sambutan hari raya aidilfitri. Produk-produk seperti pakaian, aksesori, hiasan dalaman, kelengkapan rumah dan lain-lain.

- **Produk Aidilfitri**

Merangkumi produk-produk lain yang berkaitan aidilfitri seperti baju melayu, songkok, aksesori, hiasan dalaman, bingkisan/gubahan, biskut raya/kek, masakan, bunga hiasan dan lain-lain.

Masa : 10.00 pagi – 6.00 petang

Lokasi: Aras bawah Seri Anjung dan Seri Cipta

## 2. Pameran Produk Baru Kraf Aidilfitri

Menampilkan rekaan terbaru produk-produk kraf untuk kegunaan, cenderamata dan hiasan dalaman semasa menyambut perayaan aidilfitri. Antara produk-produk baru yang dihasilkan terdiri daripada bidang kraf tekstil dan hasil rimba seperti pembuatan bekas hadiah (bingkisan raya), bekas kuih dan biskut raya, kain pasang, pakaian siap, hiasan dinding, alas meja, sarung kusyen dan lain-lain.

Masa : 10.00 pagi – 6.00 petang

Lokasi: Laman Wau dan laluan utama Seri Anjung

## 3. Demonstrasi & Interaktif

Aktiviti yang memaparkan pembuatan produk kraf, masakan dan kuih tradisional serta aktiviti interaktif bersama pengunjung. Aktiviti adalah seperti berikut :-

### 3.1 Demonstrasi Produk Kraf

Bil.	Senarai Demonstrasi	Negeri
1.	Pembuatan Songkok	Melaka
2.	Sulaman Tudung Keringkam	Kelantan
3.	Seni Kaligrafi Islam	Yayasan Restu
4.	Gubahan Bunga Ikebana	Selangor
5.	Anyaman Rotan Bekas Songkok	Negeri Sembilan
6.	Anyaman Kelarai dan Nyiru	Masyarakat Orang Asli Kampung Tohor, Negeri Sembilan
7.	Anyaman Bekas Serbaguna dan Tikar Mengkuang	Masyarakat Orang Asli Pulau Carey, Selangor

### **3.2 Demonstrasi Masakan dan Kuih-Muih**

#### **Aktiviti Harian**

- i. Pelbagai ketupat seperti ketupat palas dan ketupat nasi serta kuah kacang
- ii. Masakan kuih muruku masyarakat India Muslim
- iii. Kuih-kuih warisan seperti kuih bahulu, kuih karas, kuih batang buruk, kuih kapit dan kuih siput

#### **Aktiviti Hujung Minggu**

- i. Memasak lemang dan rendang Minang
- ii. Memasak dodol dan wajik
- iii. Memasak bubur lambuk
- iv. Memasak gula enau

Masa : 10.00 pagi - 5.00 petang

Lokasi: Laman Plaza

### **3.3 Interaktif Kraf**

- i. Menghias bekas kuih raya kraf
- ii. Menganyam pelbagai jenis ketupat
- iii. Menyediakan kad raya
- iv. Mewarna Batik

Masa : 10.00 pagi - 5.00 petang

Lokasi: Laman Plaza

**JADUAL AKTIVITI HARIAN  
PROMOSI KRAF AIDILFITRI 2009  
(4 – 14 September 2009)**

TARIKH	MASA	AKTIVITI
4 Sept.09 (Jumaat)	10.00 pagi – 6.00 petang  10.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jualan Produk kraf &amp; Produk Aidilfitri</li> <li>• Pameran Produk Baru kraf Aidilfitri</li> <li>• Demonstrasi Produk kraf</li> <li>• Demonstrasi Masakan dan Kuih-Muih</li> <li>• Interaktif kraf Aidilfitri</li> <li>• Lawatan Berpandu Berkumpulan</li> <li>• <b>Majlis Sidang Media</b></li> </ul>
5 – 14 Sept.09 (Harian)	10.00 pagi – 6.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jualan Produk kraf &amp; Produk Aidilfitri</li> <li>• Pameran Produk Baru kraf Aidilfitri</li> <li>• Demonstrasi Produk kraf</li> <li>• Demonstrasi Masakan dan Kuih-Muih</li> <li>• Interaktif kraf Aidilfitri</li> <li>• Lawatan Berpandu Berkumpulan</li> </ul>
5 & 6 Sept.09  Dan  12 & 13 Sept.09	10.00 pagi – 5.00 petang	<p><b>Acara Istimewa Hujung Minggu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Demonstrasi Masakan Aidilfitri</li> <li>• Memasak Lemang dan Rendang Minang</li> <li>• Memasak Dodol dan Wajik</li> <li>• Memasak Bubur Lambuk</li> <li>• Memasak Gula Enau</li> </ul>